

Ruj. Kami : MQAD.100-1/3/2 (34)

Tarikh : 26 November 2025

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 19/2025

PROSES PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH PROGRAM SARJANA MUDA BIDANG KIMIA DI BAWAH INSTITUT KIMIA MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) antara Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dengan Institut Kimia Malaysia (IKM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 15 Mei 2024. Penubuhan ini adalah selaras dengan Seksyen 51 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679], yang memperuntukkan bahawa JTC berfungsi, termasuk tetapi tidak terhad kepada meneliti dan memberi syor penilaian bagi permohonan akreditasi program pengajian bidang Kimia dan program berkaitan Kimia pada Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) yang menjurus kepada profesion kimia.

3. Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679], proses penilaian program di bawah bidang Kimia dan program berkaitan Kimia menjurus kepada profesion kimia yang sebelum ini dilaksanakan oleh MQA dipertanggungjawabkan kepada IKM berdasarkan ketetapan berikut:

- 3.1 Penilaian Akreditasi Sementara seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 43 Akta 679 dan Akreditasi Penuh seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 50(1) Akta 679 bagi program baharu di bawah penilaian IKM yang diterima daripada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) termasuk PPT berstatus Swaakreditasi **berkuat kuasa pada 01 Januari 2026**. Bagi tujuan Akreditasi Sementara, kerjasama antara MQA dan IKM akan diselaraskan melalui JTC sebagai mekanisme pentadbiran sahaja.
- 3.2 Bagi program yang telah mendapat Akreditasi Penuh MQA termasuk daripada PPT berstatus Swaakreditasi, PPT perlu mengemukakan permohonan untuk penilaian Akreditasi semula oleh IKM. Tempoh transisi penghantaran permohonan Akreditasi secara berperingkat yang dipersetujui adalah **lima (5) tahun dari tarikh surat ini** agar pihak PPT

dapat membuat perancangan sewajarnya. Walau bagaimanapun, pihak PPT adalah disarankan untuk mengemukakan permohonan Akreditasi semula di bawah penilaian IKM dengan kadar segera tanpa perlu menunggu sehingga tamat tempoh peralihan. Langkah ini bertujuan untuk memudahkan perancangan proses penilaian semula oleh pihak IKM, serta mengelakkan sebarang kelewatan proses penilaian sekiranya semua permohonan dikemukakan pada saat-saat akhir tempoh tersebut.

4. Carta Alir Proses Penilaian Akreditasi Sementara dan Penilaian Akreditasi Penuh serta Pembaharuan Akreditasi Penuh adalah seperti dalam **Lampiran A**.

5. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program bidang Kimia dan program berkaitan Kimia di peringkat Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) yang menjurus kepada profesion kimia adalah tertakluk kepada penggunaan Standard Program: Kimia yang disediakan oleh IKM (www.ikm.org.my) dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh kepada MQA.

6. Selain itu, PPT yang melaksanakan penambahbaikan kurikulum selaras dengan keperluan Standard Program: Kimia perlu membuat permohonan kepada IKM dan disalinkan kepada pihak MQA dan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT). IKM akan mengemukakan surat keputusan penilaian terus kepada PPT dan salinan kepada MQA dan JPT, KPT.

7. PPT adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pembaharuan Akreditasi Penuh bagi program Sarjana Muda bidang Kimia dan program berkaitan Kimia kepada MQA menggunakan borang, fi perkhidmatan MQA dan format dokumen penilaian seperti di **Lampiran B**. MQA akan mengemukakan permohonan PPT kepada pihak IKM bagi tujuan penilaian selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 38(1) dan subseksyen 50(1) Akta 679.

8. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar urusan penilaian akreditasi bagi program Sarjana Muda bidang Kimia dan program berkaitan Kimia dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.


Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)
Cheki/Fazlyana/BASP


s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
Aras 7, Menara Arina UNITI
No.97, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 W.P. KUALA LUMPUR

13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
Wisma CNS
No 2, 6 Jalan SS19/1G
47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Sekretariat
Institut Kimia Malaysia
129A, Jalan Aminuddin Baki
Taman Tun Dr Ismail
60000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

INSTITUT KIMIA MALAYSIA (IKM)
CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA / AKREDITASI PENUH



APP	Ahli Panel Penilai
IKM	Institut Kimia Malaysia
JTB	Jawatankuasa Teknikal Bersama
MJA	Mesuarat Jawatankuasa Akreditasi
MJS	Mesuarat Jawatankuasa Semakan
MQA	Malaysian Qualifications Agency
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi

LAMPIRAN B

JADUAL KEPERLUAN BILANGAN UNIT DOKUMEN PROGRAM BADAN PROFESIONAL

Catatan:

1. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) perlu mengemukakan Pemacu Kilat USB (flash drive/pendrive) serta pautan awam (cloud link) dimasukkan dalam *flash drive/pendrive*.
2. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat dalam *flash drive/pen drive* dan *cloud link*, maklumat yang akan digunakan adalah dalam *flash drive/pendrive*.
3. Kaedah permohonan perlu merujuk kepada Surat Makluman MQA Bil. 9/2024: Permohonan Akreditasi Melalui Sistem *e-MQA Accreditation System* (e-MAS) bertarikh 03 Disember 2024.

Jenis Borang:

1. Borang A – Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Sementara Program dan Kelayakan
2. Borang B – Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Program dan Kelayakan

Bil.	Badan Profesional	Bilangan Dokumen Yang Diperlukan		Format Penilaian Dokumen
		Bercetak	Flash Drive/ Pendrive	
1.	Institut Kimia Malaysia Sarjana Muda (Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia) - program pengajian bidang Kimia dan program berkaitan Kimia yang menjurus kepada profesion kimia www.ikm.org.my	-	4	<i>Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)</i> Edisi Kedua Akreditasi Sementara: Borang A dan MQA-01 Akreditasi Penuh/Pembaharuan Akreditasi Penuh: Borang B dan MQA-02